

UPM Terajui Penerbitan Buku Teknologi Pintar Sawit Bersama MPOB



Langkawi, 26 Ogos – Universiti Putra Malaysia (UPM) menerajui penerbitan buku bertajuk Smart Technology for Oil Palm Plantation: The Malaysian Experience, hasil kerjasama strategik dengan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB).

Buku ini menghimpunkan hasil penyelidikan dan amalan terbaik mengenai penggunaan teknologi pintar dalam perladangan sawit, merangkumi aspek pembiakan dan genetik, mekanisasi serta automasi, selain aplikasi komputer dan elektronik.



Naib Canselor UPM, Dato' Prof. Ir. Dr. Ahmad Farhan Mohd Sadullah, berkata kerjasama erat antara UPM dan MPOB telah lama menggabungkan kepakaran akademik dengan pengalaman industri bagi memperkukuh inovasi dalam sektor sawit negara.

"Isi kandungan buku ini menyorot bagaimana Malaysia, dengan penggerak akademik seperti UPM, menyahut cabaran semasa industri sawit termasuk meningkatkan produktiviti, memastikan kelestarian dan mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja asing.

"Buku ini turut menampilkan pemetaan genetik dan penyuntingan genom bagi meningkatkan hasil tanaman, penggunaan robotik serta jentera autonomi untuk operasi ladang, selain penerapan teknologi digital seperti penderia pintar, Internet of Things (IoT) dan kecerdasan buatan (AI) dalam pemantauan tumbuhan serta ramalan hasil," katanya.

Beliau berkata penerbitan buku ini mengukuhkan kedudukan UPM sebagai peneraju inovasi pertanian moden dan rakan strategik utama dalam memastikan industri sawit negara kekal berdaya saing di peringkat antarabangsa.



Selain itu, inisiatif ini turut menyokong agenda kelestarian global sejajar dengan permintaan pasaran antarabangsa terhadap minyak sawit yang lebih bertanggungjawab dan mesra alam.

“Usaha ini bukan sahaja memberi impak besar kepada penyelidikan, malah memperkukuh daya saing industri sawit negara di pentas dunia,” tambah beliau.

Pelancaran rasmi buku tersebut berlangsung sempena The 7th International Conference on Agricultural and Food Engineering (CAFEi 2025) di Adya Hotel, Langkawi, Kedah, yang menghimpunkan penyelidik, penggubal dasar serta wakil industri dari dalam dan luar negara.

Buku berkenaan disunting oleh Prof. Madya Ir. Dr. Norhashila Hashim dari Fakulti Kejuruteraan UPM bersama Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr. Ahmad Parveez Ghulam Kadir.